

# **WAKAF MASJID SECARA BERTEMPOH DI SINGAPURA MENURUT PERSPEKTIF SYARIAH**

Syed Muhammad Adib Termizi bin Ahmad Al Jafari<sup>1</sup>



## ***ABSTRACT***

*Masjids symbolise purity with which it is a requirement for a mosque to be free from being owned by anyone and the sole beneficiary is for Allah the Al Mighty. However, Singapore's needs for land and space to ensure its growth and progress as well as maintaining economy that changes over time made every mosque in Singapore to undergo a change in the lease period or dependant on the legal notice that allows the government to takeover control of the mosque at any point in time. These two issues clearly trespass the basis of beneficiary (wakaf) in Islam in which it is stated that properties that are classified as wakaf, have to be sustainable and are not bound to any conditions. As such, this paper is written to discuss on how a building, that is limited to a specific time period, can be regarded as a mosque, according to the views by scholars of Islamic law. A descriptive and inductive approach is being used in this research's methodology to gather the scholar's opinions, as well as their arguments. Analytical and critical approach is used to discuss their views and their arguments to find the opinion that is the closest match with the truth and suffice the needs of the Muslim community in Singapore and their interests. The result of this research shows that there is no consensus among the Islamic jurists that mosques must be built on land that is on wakaf property, which therefore validate the status of mosques in Singapore. This is achieved*

---

<sup>1</sup> Calon Doktor Falsafah (PhD), Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan. Emel: md\_adib1@hotmail.com

*by using the opinions of scholars that allow mosques to be built on land that is on lease or rent as well as opinions of scholars that allow the use of mats or carpet to be used as a mosque.*

Keywords: Wakaf, mosque, Islamic law, wakaf property

## ABSTRAK

Masjid adalah sebuah bangunan yang mempunyai kesucian, sehingga mana disyaratkan bagi sesebuah masjid hendaklah ia terlepas dari hak milik sesiapa dengan di wakafkannya hanya untuk Allah Taala. Akan tetapi keperluan Singapura terhadap tempat dan tanah untuk memastikan ia terus membangun dan maju serta dapat melaksanakan dasar ekonomi yang berdasarkan perubahan dari masa ke semasa menjadikan setiap masjid yang berada di dalam pulau ini dihadkan dengan waktu atau tergantung dengan undang-undang yang membolehkan kerajaan mengambil alih masjid tersebut pada bila-bila masa. Kedua-dua pekara itu dengan jelas melanggar asas hukum wakaf yang mensyaratkan agar mana wakaf itu mestilah berkekalan dan tiada tergantung dengan sebarang syarat. Oleh yang demikian kertas kerja ini bertujuan membincangkan sejauh manakah sesebuah bangunan yang terhad dengan waktu tertentu, harus dianggap sebagai masjid pada pandangan fiqh Islami. Pendekatan deskriptif dan induktif telah diguna pakai dalam metodologi kajian ini untuk mengumpul pendapat ulama', serta hujah-hujah mereka. Manakala pendekatan analitikal dan kritikal pula digunakan bagi membincangkan pandangan para ulama' serta hujah-hujah mereka untuk mencari pendapat yang paling dekat dengan kebenaran serta menjaga kepentingan dan maslahat masyarakat Islam Singapura. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa tiada kesepakatan di antara fuqaha bahawa masjid itu mesti didirikan di atas tanah yang diwakafkan, yang mana ini menjadikan masjid di Singapura sah dianggap sebagai masjid dengan menggunakan pendapat yang mengharuskan ia dibina di atas tanah yang disewa di samping pendapat yang mengharuskan hamparan atau tikar dijadikan sebagai masjid.

Kata Kunci: Wakaf, tanah wakaf, masjid, Undang-undang Islam

## PENDAHULUAN

Perkataan masjid berasal dari kata ‘*sujud*’ bererti, meletakkan dahi seseorang di atas tanah. Sujud digunakan di dalam membesarakan dan juga ibadat. Contoh penggunaannya dalam membesarakan adalah firman Allah Taala: “*Dan ketika kami befirman kepada malaikat: “Sujudlah kamu kepada Adam”, maka sujudlah mereka kecuali iblis*” (Al Baqarah: 34). Manakala penggunaanya yang membawa erti ibadat seperti firman Allah Ta`ala: “*Dan orang yang melalui di malam hari dengan bersujud dan berdiri untuk Tuhan mereka*” (Al Furqan: 64). Masjid adalah nama bagi tempat sujud sama ada ia bangunan yang digunakan untuk sujud di dalamnya atau ia sekadar tanah lapang. Az Zajjaj mengatakan bahawa setiap tempat digunakan untuk ibadat adalah masjid (Zubaidi. 1994. 173-174).

Dari segi istilah syara’ pula, masjid adalah sebidang tanah yang dikhurasukan untuk solat yang mana pemilik tanah itu telah mengeluarkannya dari hak miliknya dan dijadikan untuk kaum Muslimin (Qurthubi. 2006). Al Khudairi (2001) mengatakan bahawa masjid itu adalah sebuah bangunan yang diwakafkan untuk solat lima waktu dan lain darinya.

Didapati dari kedua-dua definisi masjid di atas, bahawa masjid itu hendaklah dikeluarkan dari hak milik seseorang sama ada dari milik individu ataupun kerajaan dan dijadikannya sebagai tempat solat bagi orang Islam. Dengan erti kata lain, masjid itu mestilah diwakafkan untuk orang Islam keseluruhannya. Bedasarkan firman Allah Ta`ala: “*Dan sesungguhnya masjid-masjid itu adalah kepunyaan Allah*” (Al-Jinn: 18)

## JENIS-JENIS MASJID

Allah Ta`ala di dalam al-Quran menggunakan dua istilah bagi merujuk kepada tempat ibadat. Yang pertama ialah kata “masjid”, ia digunakan sebanyak dua puluh dua kali sama ada secara mutlak ataupun sandaran seperti ‘Masjidil Haram’. Istilah kedua yang digunakan Allah Ta`ala ialah “*Musholla*” ia digunakan sekali di dalam Al-Quran pada Surah Al-Baqarah, ayat 125: “*Dan jadikanlah dari maqam Ibrahim itu sebagai tempat solat*” (miftah. 1985).

Para Fuqaha telah membahagikan masjid kepada beberapa jenis:

1. **Masjid Jami'**: Iaitu masjid yang didirikan di dalamnya Solat Jumaat. Begitu juga solat lima waktu dan hari raya (Ibnu Qudamah. 2004). Terdapat pendapat yang mengatakan bahawa Saidina Umar r.a yang mula menggunakan perkataan "Jami'", tetapi terdapat hadis yang menunjukkan bahawa Baginda Nabi s.a.w telah menggunakananya. Siti Aisyah r.a meriwayatkan bahawa: "*Tiada Iktikaf kecuali di masjid Jami'*" (Abu Daud. T.tr. Bab: Orang beriktitikaf menziarahi masjid).
2. **Masjid Jamaah**: Ia adalah masjid yang mempunyai imam dan *muazzin* yang secara rasmi dilantik oleh penguasa Islam di daerah tersebut sama ada dilaksanakan di dalamnya solat lima waktu atau tidak (Ibnu Hummam. 1977), dan masjid seperti ini tiada didirikan di dalamnya solat Jumaat. Asal penggunaan perkataan ini adalah dari hadis Baginda s.a.w yang diriwayatkan oleh Ibnu Masud: "*Tidak sah iktikaf kecuali di dalam masjid tiga atau disabdakan Baginda kecuali pada Masjid Jamaah*" (Syawkani. 2005. Kitab: Iktikaf).
3. **Masjid Rumah**: Sunat menjadikan satu ruangan di dalam rumah mereka sebagai tempat yang dikhurusukan untuk ibadat dan solat (Ibnu Abidin. 2003). Abu Hurairah r.a meriwayatkan bahawa seorang Ansar setelah kehilangan pandangannya, meminta agar Nabi s.a.w menentukan bagi dirinya satu ruangan di dalam rumahnya sebagai masjid agar dia solat di dalamnya, dan Baginda menunaikan permintaannya (Ibnu Majah. T.tr. Bab: Masjid di dalam rumah). Al-Bukhari di dalam kitab sahihnya meletakkan sebuah bab yang diberi nama: "*Masjid Buyut*" dan di dalamnya beliau mengetengahkan hadis yang menunjukkan Saidina Abu Bakar r.a adalah orang pertama berbuat demikian dan Al-Barra' bin A'zib mendirikan solat jemaah di dalam masjid yang berada di rumahnya (Bukhari. 1986. Bab: Hijrah Nabi s.a.w dan para sahabat ke Madinah). Masjid jenis ini tidak sama hukumnya dengan Masjid *Jami'* (Al Amir. 2011), kecuali mazhab Abu Hanifah berpendapat ia sah sebagai tempat iktikaf bagi perempuan (Ibnu Nujaim. 2002).

4. **Masjid Alih:** Ada yang menyebutnya dengan Masjid *Mahmulah* (yang dibawa). Ia adalah sejadaht atau tikar dan seumpamanya yang dipasak ke bumi dengan paku atau sebagainya sehingga tiada bergerak dan kemudian diwakafkannya sebagai masjid, dengan kata “Aku wakafkan sejadaht ini sebagai masjid kerana Allah Taala”. Kemudian dicabut paku tersebut dan diangkat tikar atau sejadaht itu. Setelah diniatkan yang demikian maka sejadaht atau tikar itu sama seperti hukum masjid (Al-Khatib. 2001; Al-Haitami. T:tr; As-Syarbini. T:tr).

Manakala *Musholla*, adalah tempat untuk solat hari raya dan lainnya seperti *istisqa'* (Az-Zarkasyi. 1999). Atau ia adalah bangunan yang dijadikan untuk mendirikan solat jemaah tetapi tiada diwakafkan sebagai masjid. Dalam kata lain pemilik tanah atau bangunan masih mengekalkan hak miliknya di atas pekara tersebut.

*Musholla* juga terbahagi kepada beberapa jenis mengikut kitab fiqh klasik:

1. **Musholla 'Eid** (hari raya): Iaitu tanah lapang yang digunakan untuk solat hari raya puasa atau korban (Hatab. 2010).
2. **Musholla Jenazah:** Tempat yang dikhkususkan untuk solat jenazah. Nabi s.a.w menjadikan bahagian timur masjid sebagai tempat yang dikhkususkan untuk solat jenazah (Husaini. 2005).
3. **Musholla Hay:** Iaitu bangunan kecil yang dibangunkan di sesebuah kampung untuk mendirikan syiar solat jemaah. Termasuk di dalamnya juga surau yang berada di bangunan-bangunan seperti sekolah, pasar raya dan sebagainya (Az-Zuhaili. 2009).

Di antara perbezaan ketara antara masjid dan *musholla* terletak pada status wakafnya. Jika ia diwakafkan, maka ia adalah masjid dan jika tidak maka ia adalah *musholla*. Walaupun begitu, tetap ada sebahagian fuqaha' yang berpendapat bahawa *musholla* sama hukumnya dengan hukum masjid seperti Mazhab Hanafi dan Hanbali di dalam *Musholla 'Eid* (Ibnu Abidin. 2003; Mardawi. 1997; Bahuti. 2000) dan sebahagian ulama Hanafi pada *Musholla Jenazah* (Ibnu Abidin. 2003). Begitu juga Imam Darimi pada *Musholla Hay* (An-Nawawi. T:tr). Perselisihan kecil ini dianggap sebagai gambaran permulaan bahawa tidak semua fuqaha mensyaratkan bahawa jika sesebuah bangunan itu

ingin dijadikan masjid, ia mesti diwakafkan selama-lamanya sebagai masjid.

## MASJID DI SINGAPURA

Masjid yang tertua di Singapura ialah Masjid Omar Kampung Melaka yang didirikan pada 1820. Kemudian diikuti oleh Masjid Sultan pada tahun 1824. Penulis tidak berpendapat ia adalah masjid yang pertama kerana penyebaran Islam telah berlaku di pulau ini jauh lebih lama dari tarikh tersebut bahkan ketika masjid ini dibina, masyarakat Islam adalah kaum majoriti di pulau ini, maka sudah tentu masjid sebagai keperluan Agama turut telah dibina. Terdapat pendapat yang mengatakan masjid yang pertama di Singapura terletak di Kalang Basin iaitu pusat pelabuhan utama Singapura pada masa dahulu (Jonna. 2010).

Pada tahun 1970, terdapat 94 masjid di Singapura yang dikategorikan sebagai masjid lama, namun antara tahun 1975 hingga 1985, 10 daripada masjid tersebut dirobohkan, kemudian di antara 1986 hingga 1990, 22 buah masjid lama dirobohkan lagi bagi memberi laluan kepada pembangunan Singapura. Ini tidak termasuk 35 masjid yang dirobohkan pada tahun-tahun awal perpisahan Singapura dari Malaysia (Abdul Samad. 1999. Muis.gov.sg/mosque management. 3 July 2013).

Secara umumnya masjid di Singapura boleh dikategorikan kepada 4 status (Shamsiah. 2014):

1. **Masjid Wakaf:** Iaitu masjid yang didirikan sebelum kemerdekaan Singapura. Walaupun hak milik tanah ini kekal bagi orang-orang Islam kerana ia telah diwakafkan, tetapi ia tertakluk kepada undang-undang “*Land Acquisition Act*” yang memberikan pemerintah kuasa untuk mengambil alih hak pemilikan tanah tersebut dengan alasan untuk memajukan dan membangunkan Singapura ([www.statutes.agc.gov.sg](http://www.statutes.agc.gov.sg). 2 January 2011).
2. **Masjid T.O.L (Temporary Occupied License):** Iaitu masjid yang diberikan kebenaran sementara untuk mendiami sebidang tanah dengan bayaran tertentu. Jangka masa kebenaran ini antara setahun sehingga 3 tahun (Sood. 2013). Pihak masjid perlu membaharukan keizinan untuk menetap di tanah tersebut pada setiap penghujung jangka masa tersebut dengan bayaran yang ditetapkan penguasa tanah Singapura. Walaupun demikian, pihak penguasa tanah

Singapura mempunyai hak untuk membatalkan keizinan ini pada bila-bila masa dalam tempoh keizinan dan kebenaran tersebut ([www.statutes.agc.gov.sg](http://www.statutes.agc.gov.sg). 2 January 2011).

3. **Masjid M.B.F (Mosque Building Fund):** Iaitu masjid yang didirikan menggunakan tabung pembangunan masjid. Tabung pembinaan masjid adalah tabung yang disarankan mantan perdana menteri Singapura, Lee Kuan Yew ketika melihat kesukaran yang dihadapai oleh masyarakat Islam Singapura setelah kemerdekaan untuk memiliki tanah bagi pembangunan masjid. Beliau menyarankan agar setiap orang Islam yang bekerja di Singapura menyumbang kepada tabung ini dari gaji setiap bulan yang dipotong dari akaun C.P.F mereka. Kadar potongan pada tahun tersebut adalah 50 sen Singapura bagi setiap pekerja, kadar ini meningkat dari tahun ke tahun selari dengan peningkatan kos binaan sehingga hari ini kadar yang dipotong mengikut tangga gaji seseorang pekerja iaitu sebanyak \$2 bagi yang mendapat gaji sebanyak \$1000 dan yang tertinggi ialah sebanyak \$16 bagi yang mendapat gaji sebnayak \$4000 atau lebih dalam sebulan. Manakala di pihak pemerintah pula, mereka akan menjual tanah dengan pajakan selama 99 tahun dengan harga nominal, dan bukan harga pasaran kepada masyarakat Islam bagi tujuan pembinaan masjid ([Muis.gov.sg/mosque management](http://Muis.gov.sg/mosque%20management). 3 July 2013)
4. **Masjid Lease:** Iaitu masjid yang dibina di atas tanah pajakan yang kurang tempoh pajakannya dari 99 tahun. Tempoh ini berbeza di antara sebuah masjid dengan masjid yang lain yang berada di dalam kategori ini.
5. Masjid yang tidak termasuk di dalam mana-mana kategori di atas: hanya terdapat dua buah masjid sahaja, dari jenis ini di Singapura iaitu Masjid Temenggong Ahmad di daerah Telok Blangah yang didirikan oleh kerajaan Johor pada tanah milik Sultan Johor dan Masjid Pulau Bukom yang didirikan di atas tanah milik syarikat minyak Shell.

Berdasarkan kepada pembahagian masjid Singapura di atas, didapati bahawa kesemua masjid Singapura melanggar syarat wakaf kecuali masjid Temenggong Ahmad. Ini kerana jenis masjid wakaf tertakluk dengan undang-undang pengambilan tanah sedangkan syarat

wakaf menyatakan bahawa wakaf tiada boleh tertakluk dengan apa-apa perkara (Ibnu Abidin. 2003; Nawawi. T:tr; Ibnu Qudamah. 2004). Begitu juga dengan masjid jenis M.B.F dan Lease, ia terhad dengan satu tempoh samada 99 tahun atau kurang daripada itu, sedangkan wakaf disyaratkan untuk kekal selama-lamanya dan tidak bertempoh (Ibnu Abidin. 2003; Nawawi. T:tr; Ibnu Qudamah. 2004). Manakala Masjid Pulau Bukom adalah masjid yang didirikan di atas tanah syarikat Shell dengan keizinan dari syarikat tanpa diwakaf.

## **WAKAF YANG DIBATASKAN DENGAN WAKTU**

Penulis membahagikan tajuk ini kepada dua tajuk kecil, yang pertama dalam membincangkan syarat wakaf iaitu ia mestilah tiada dihadkan dengan waktu. Yang kedua pula pada membahaskan wakaf dengan had waktu, yang pada kebiasaanya wakaf itu akan binasa sebelum tibanya waktu tersebut.

### **Syarat wakaf hendaklah ia tiada terbatas dengan waktu:**

Wakaf dari sudut bahasa membawa makna berhenti (Zubaidi. 1994; Ibnu Manzur; 1999) kesesuaianya dengan istilah Syara' apabila perkara yang diwakafkan itu diberhentikan hak pemindahan miliknya, bermakna perkara tersebut tidak boleh dipindah milik lagi setelah diwakafkan. Jumhur fuqaha' mensyaratkan bahawa tidak sah wakaf jika ia hanya bersifat sementara atau dibatasi dengan waktu tertentu seperti: "*Saya mewakafkan kitab ini sebulan*". `Illah pensyaratan ini adalah kerana wakaf itu seperti sedekah yang tidak boleh dibatasi dengan waktu (Ibnu Abidin. 2003; Nawawi. T:tr; Ibnu Qudamah. 2004). Begitu juga kerana hak memindah milik sesuatu yang telah diwakafkan itu gugur dengan sebab pewakaf telah memberhentikan pemilikan wakaf tersebut kepada Allah Taala atau sesiapa yang diwakafkan pekara tersebut, maka selayaknya barang wakaf itu tidak boleh bersangkutan dengan waktu.

Sebahagian fuqaha' pula telah mengharuskan wakaf itu dibatasi dengan waktu tertentu (Al-Hursyi. 1997; Az-Zarqani. 2002; Ad-Dasuqi. T: tr). Bahkan penulis mendapati sekumpulan fuqaha' mengharuskan masjid dibina di atas tanah yang disewa, kerana mereka beranggapan bahawa yang wajib diwakafkan pada masjid adalah bangunannya sahaja dan bukan tanahnya (Ibnu Nujaim. 1997; Al-Hursyi 1997; Mardawi.

1997; Ramli. 2012; Qalyubi & Umairah. 1998). Penulis berpendapat bahawa akad yang terjadi di antara pemerintah Singapura dan pihak Majlis Ugama Islam Singapura ke atas tanah masjid berupa akad sewaan dan bukannya jual beli. Ini disebabkan bahawa di dalam akad yang diambil kira adalah keadaan dan pelaksanaan akad dan bukanya lafaz yang digunakan di dalam akad tersebut (Zarkasyi. 1982). Maka perlaksanaan akad ke atas tanah masjid lebih mirip kepada penyewaan dan bukannya pembelian kerana terdapat batasan waktu di dalamnya.

Berdasarkan kedua pendapat di atas, penulis mendapat bahawa pendapat pertama yang melarang wakaf itu dibatasi dengan waktu adalah lebih bertepatan dengan *maqasid* atau tujuan wakaf itu sendiri sama ada dari tujuan akhirat, sebagai pahala yang berterusan untuk pewakif dan mengekalkan keredhaan Allah Taala. Begitu juga, ia bertepatan dengan keperluan dunia dalam menjaga kepentingan manusia di dalam kehidupan mereka seperti menjaga ugama (Rihal. 2013) kerana dengan berkekalan masjid akan memperkuatkan penyebaran dakwah Islamiyah di samping syiar Allah akan tetap terlaksana di kawasan tersebut.

Walaupun demikian, pendapat kedua lebih memenuhi keperluan masyarakat Islam Singapura. Kerana tidak dapat dinafikan di mana masyarakat Islam berada mereka memerlukan kepada satu bangunan yang sah dipanggil masjid sebagai syiar Islam.

### **Wakaf dengan tempoh yang pada kebiasaannya pekara yang di wakafkan itu akan hancur sebelum tiba tempoh tersebut:**

Sebahagian fuqaha Syafi' menyatakan bahawa wakaf bertempoh adalah sah, jika perkara yang diwakafkan itu pada kebiasaannya akan hancur sebelum tibanya tempoh tersebut (Ramli. 2012; Ismail. 1997. Zuhaili. 1989). Contohnya: "*Saya mewakafkan buku ini selama seribu tahun*". Waktu yang tersebut itu hanyalah *majazi* dan tidak dikehendaki oleh pewakaf itu, kerana pada hakikatnya pekara yang diwakafkan itu akan hancur sebelum tiba tempoh yang ditetapkan di dalam lafaz wakafnya, maka ia seumpama mewakafkan pekara itu buat selama-lamanya.

Jika kita melihat dalam konteks ekonomi Singapura yang berasaskan perubahan dari masa ke semasa seperti yang diucapkan oleh Lee Hsien Long, Perdana Menteri Singapura pada perhimpunan Hari Kebangsaan 2013 dan 2014 ([www.pmo.gov.sg](http://www.pmo.gov.sg). 22 Sep 2014), bahawa Singapura harus berubah dengan cepat untuk kemajuanya agar ia terus

kekal dan terselamat. Contoh perubahan tersebut seperti, pelabuhan Singapura yang dibina pada 1972 akan dipindahkan keseluruhannya menjelang 10 tahun dari sekarang, lapangan terbang yang dibuka awal 80an sedang menjalani proses perubahan dan naik taraf pada keseluruhan terminalnya, lebuhraya yang dibuka 30 tahun lepas akan dimusnahkan dan dibina lebuh raya yang baru, kawasan perindustrian mega di Jurong akan dialihkan sebelum ia mencecah lima puluh tahun, kawasan perumahan juga tidak terkecuali dari proses ini (Cornelius. 2014).

Proses perubahan ini sudah semestinya menjelaskan pengimaranahan masjid bahkan boleh menjadikan masjid terpinggir. Antara contoh yang boleh dilihat ialah masjid Penempatan Melayu Sembawang yang dibina pada tahun 60an. Masjid ini dikelilingi oleh lima buah kampung Melayu dengan kadar penduduk Islam mencecah lebih dari seribu orang. Tetapi pada hari ini ia berada di tengah hutan (Khadijah. 2007).

Begitu juga Masjid Al-Amin di Telok Belangah yang dahulunya sangat makmur kerana ramainya orang Islam yang mendiami sekeliling kawasan masjid, tetapi pada hari ini kebanyakkan penduduk kawasan itu adalah bukan Islam, maka masjid ini kekurangan jemaah. Demikian juga masjid kampung Delta dan Al-Firdaus.

Mengambilkira keperluan masjid untuk kekal relevan dalam menjalankan misinya, tapak masjid memainkan peranan besar. Oleh yang demikian terdapat fuqaha' yang membolehkan penjualan masjid yang telah dipinggirkan untuk memberi laluan kepada pembangunan masjid di tempat yang lebih sesuai untuknya menjalankan risalahnya. Begitu juga menjual masjid kecil yang tidak mampu menanggung jumlah jemaah bagi membina masjid yang lebih besar di tapak yang lebih bersesuaian dengan keperluan masyarakat (Ibnu Abidin. 2003; Nawawi. T:tr; Ibnu Muflih. 1997).

Oleh yang demikian, mantan Mufti Singapura, Syed Isa Semait enggan mengiktiraf batasan waktu selama 40 tahun yang disarankan pihak pemerintah pada mulanya bagi masjid-masjid baru. Bahkan beliau meminta agar tempoh pajakan tanah masjid dianjakkan hingga ke 99 tahun (Shamsiah. 2014), kerana pada kebiasaan adat Singapura, sesebuah masjid akan terpinggir sebelum tibanya tempoh 99 tahun itu, maka ia hanyalah sebuah tempoh *majazi*, yang tidak akan dapat dicapai oleh masjid di Singapura. Maka pada hakikatnya masjid itu telah diwakafkan selama ia bermanfaat.

## PENUTUP

Berdasarkan perbincangan di atas, penulis mendapati bahawa status masjid yang dihadkan dengan waktu tertentu di Singapura adalah sah sebagai masjid. Ia berdasarkan tiga pekara:

1. Tempoh yang dihadkan hanyalah sebuah tempoh *majazi* yang tidak mungkin dicapai oleh masjid di Singapura kerana telah terpinggir sebelum tibanya tempoh tersebut. Para fuqaha' berpendapat wakaf yang dihadkan dengan sebuah tempoh yang pada kebiasaannya, perkara yang diwakafkan itu akan hancur atau hilang manfaatnya sebelum tiba tempoh tersebut adalah sah, kerana pada hakikatnya pekara itu telah diwakafkan selama ia bermanfaat. Terdapat contoh yang menunjukkan bahawa ada sebahagian masjid di Singapura yang terpinggir akibat proses perubahan dan kesan dari kemajuan serta pertukaran yang berlaku di Singapura walau usianya belum menjangkau lima puluh tahun. Sehingga ummat Islam perlu membina masjid pada tempat yang lebih sesuai bagi kemudahan mereka ke masjid seperti yang berlaku kepada masjid Penempatan Melayu Sembawang yang membawa kepada berdirinya masjid As-Syafaah yang lebih hampir dengan kawasan perumahan. Begitu juga dengan masjid Firdaus yang mana kedudukannya yang jauh dari perumahan menjadikan penduduk di daerah tersebut memerlukan kepada masjid baru. Bahkan terdapat beberapa masjid yang dirobohkan kerana ia tidak dapat memainkan peranannya kerana kedudukannya yang terpinggir dari masyarakat seperti masjid Bidadari. Oleh yang demikian, penetapan 99 tahun adalah penetapan anggaran yang bersifat *majazi* kerana secara lazimnya masjid tersebut akan mengalami pemunggiran sebelum tiba waktu itu.
2. Sebahagian fuqaha' membolehkan pembinaan masjid di atas tanah sewa, kerana keharusan wakaf bangunan tanpa tanahnya. Walaupun hujah pendapat ini dilihat lemah di sisi Fiqh, namun ia membawa maslahat kepada masyarakat Islam Singapura dengan memenuhi tuntutan keperluan keagamaan mereka serta maslahat kemasyarakatan. Meskipun pendapat yang kuat di sisi Fiqh mengatakan tidak sah masjid didirikan di atas tanah yang bersifat

sementara; namun pendapat ini akan menjelaskan pembangunan kehidupan beragama, dan akan memberi kesan buruk dalam jangka panjang kepada masyarakat Islam Singapura. Kaedah fiqh ada menyebutkan “*Menolak kerosakan itu didahulukan*”.

3. Pada umumnya masjid di Singapura dihamparkan dengan hamparan karpet yang melekat pada lantainya. Mufti Singapura akan mengiyistikaharakan bahawa dewan solat utama sebagai wakaf untuk dijadikan masjid pada hari pembukaan masjid. Secara tidak langsung pengiyistikahan ini mencakupi segala sesuatu yang berada di dewan solat dari temboknya, bumbungnya, lantainya dan juga hamparannya. Jika dikatakan bahawa bangunan itu tidak sah sebagai masjid kerana ia terhad kepada waktu tertentu, tetapi hamparanya tidak. Ini menjadikan hamparan masjid itu sah sebagai masjid *mahmul* atau *manqul* yang disebutkan fuqaha Syafi' dalam kitab-kitab mereka. Pendapat yang menganggap hamparan masjid sebagai masjid *mahmul* menjadikan hukumnya sama dengan hukum masjid dari sudut sah iktikaf, solat tahiyyatul masjid, haram diduduki oleh perempuan haid dan nifas serta orang yang dalam *junub*, haram juga membawa masuk najis ke dalamnya dan lain-lain hukum lagi yang berkaitan.

## BIBLIOGRAFI

Al-Quran Al-Karim

Abdul Karim, Shamsiah. 2014. *Intoduction to Wakaf*. Lecture. 10 May.

Abu Daud, Sulaiman bin Aysa's As Sajistani. T:tr. *Sunan Abi Daud*. Beirut: Darul Fikr

Al-Dasuqi, Muhammad A'rfah. T:tr. *Hasyiyah Ad Dasuqi a'la Syarhil Kabir*. Qahirah: Maktabah Isa Al Babil Halabi wa Syirkah.

Al-Amir, Muhammad bin Muhammad. 2011. *Al Iklil Syarah Mukhtasar Al Khalil*. Qahirah: Darul Fadhilah.

Al-Bahuti, Mansur bin Yunus. 2000. *Syarah Muntahal Iradat*. Beirut: Darul Kutubil I'lmiyah.

Al-Haitami, Ahmad bin hajar. T.tr. *Tuhfaatul Muhtaj bi Syarhil Minhaj*. Beirut: Darul Fikr.

Al-Hatab Ar Rai'ni, Muhammad bin Muhammad. 1995. *Mawahibil Jalil li Syarhil Mukhtasar Sidil Khalil*. Beirut: Darul Kutubil I'lmiyah..

Al-Hursy, Muhammad bin Abdullah. 1997. *Hasyiyah Al Hursy a'la Mukhtasar Sidi Khalil*. Beirut: Darul Kutubil I'lmiyah.

Al-Husaini, Abdullah. 2005. *Kharitah Al Athariyah Lil Masjidin Nabawi As Syarif*. Beirut: MArkaz Dandarah As Thaqafi.

Al-Khudairi, Ibrahim bin Salih. 2001. *Ahkamul Masjid fi Syaria'til Islamiyah*. Riyadh: Darul Fadhilah.

Al-Mardawi, Ali bin Sulaiman. 1997. *Al Insaf fi Ma'rifatir Rajih minal Khilaf*. Beirut: Darul Kutubil I'lmiyah.

Al-Qurthubi, Muhammad bin Ansar. 2006. *Al Jami; Li Akhamil Quran*. Mansurah: Maktabah Al Iman.

Al-Khatib, Omar bin Abdullah. 2001. *Panduan ilmu Fiq'h syeikh Omar AlKhatib. Bab: Solat*. Singapore: SAH Publication.

An-Nawawi, Yahya bin Syarf. T:tr. *Al Majmuk*. Beirut: Darul Fikr.

An-Nawawi, Yahya bin Syarf. T:tr. *Syarah Nawawi A'la Sahih Muslim*. Beirut: Darul Kutubil I'lmiyah.

- Ar-Ramli, Muhammad bin Syihabuddin. 2012. *Nihayatul Muhtaj Ila Syarhil Minhaj*. Qahira: Maktabah Taufiqiyah.
- As-Syarbini, Muhammad Al Khatib. T:tr. *Mughni Muhtaj A'lal Matnil Minhaj*. Beirut: Darul Fikr.
- As-Syawkani, Muhammad bin Ali. 2005. *Nailul Awtar*. Qahirah: Maktabah As Shafa.
- Attorney General's Chambers. 2 January 2011. Part two: Acquisition, Notification that land is required for specific purposes. *Land acquisition Act*. [www.statutes.agc.gov.sg](http://www.statutes.agc.gov.sg)
- Attorney General's Chambers. 2 January 2011. Chapter 314, section 3, No: 19 -31.Temporary occupation licences and tenancy agreements. *State lands rules*. [www.statutes.agc.gov.sg](http://www.statutes.agc.gov.sg).
- Az-Zarkasy, Muhammad bin Abdullah. 1982. *Al Manthur fil Qawa'id*. T:pecetak.
- Az-Zarkasyi, Muhammad bin Abdullah. 1999. *I'lam As Sajid bil Akhamil Masajid*. Qahirah: Wizarah Awkaf Al Misriyah.
- Az-Zarqani, Abdul Baqi bin Yusuf. T:tr. *Syarah Az Zarqani a'la Mukhtasar Sidi Khalil*. Beirut: Darul Kutubil I'lmiyah.
- Az-Zubaidi, Muhammad Murthada. 1994. *Tajul A'rus min Jawahiril Qamus*. Kuwait: Matba'h Hukumah Al Kuwait.
- Az-Zuhaili, Muhammad Wahbah. 1989. *Al Fiqh Al Islami wa Adillatuhu*. Beirut: Darul Fikr.
- Az-Zuhaili, Muhammad Wahbah. 2009. *Mausua'h Qadaya Islamiyah Mua'sirah*. Damsyiq: Darul Maktabi.
- Bukhari, Muhammad bin Ismail. 1986. *Sahih Al Bukhari*. Qahirah: Darul Rayyan.
- Cornelius, Vernon. 3 Feb 2014. "Paya Lebar airport" "Tanjong Pagar History" & "Jurong" & "Singapore expreesway". [www.infopedia.nl.sg](http://www.infopedia.nl.sg). National Library Board Singapore.
- Faridi, Miftah. 1985M. *Masjid*. Bandung: penerbit Pustaka.
- Ibnu Abidin, Muhammad bin Amin. 2003. *Raddul Mukhtar A'la Durril Mukhtar*. Beirut: Darul Kutubil I'lmiyah.

Wakaf Masjid Secara Bertempoh Di Singapura Menurut Perspektif Syariah

- Ibnu Majah, Muhammad bin Zaid Qazwini. T:tr. *Sunan Ibnu Majah*. Qahirah: Maktabah Isa Al Babil Halabi wa Syirkah.
- Ibnu Manzur. 1999. *Lisanul A'rab*. Beirut: Dar Ihya Turath A'rabi.
- Ibnu Muflih, Ibrahim bin Muhammad. 1998. *Al Mubdi' Syarah Al Muqni'*. Beirut: Darul Kutubil I'lmiyah.
- Ibnu Nuja'im, Umar bin Ibrahim. 1997. *Al Bahrul Raiq Syarah Kanzul Daqaiq*. Beirut: Darul Kutubil I'lmiyah.
- Ibnu Nuja'im, Umar bin Ibrahim. 1997. *An Nahrul Faiq Syarah Kanzul Daqaiq*. Beirut: Darul Kutubil I'lmiyah.
- Ibnu Qudamah, Abdullah bin Ahmad. 2004. *Al Mughni*. Qahirah: Darul hadis.
- Ibnu Qudamah, Abdur Rahman bin Muhammad. 2004. *As Syarhul Kabir*. Qahirah: Darul Hadis.
- Ibnul Hummam, Muhammad bin Abdil Wahid. 1977. *Syarah Fathul Qadir*. Beirut: Darul Kutubil I'lmiyah.
- Ismail, Muhammad Bakr. 1997. *Al Fiqhul Wadih minal Kitab was Sunnah a'lal Mazahibil A'rba'h*. Qahirah: Darul Manar.
- Joanna HS Tan. 2010. "Sultan Mosque". *Architecture and landscape, Religious building*. [www.infopedia.nl.sg](http://www.infopedia.nl.sg). National Library Board Singapore.
- Muis. 3 July 2013. *Mosque building programme*. "Mosque management". [Muis.gov.sg](http://Muis.gov.sg).
- Prime Minister office. 22 Sep 2014. "National Day Rally". [www.pmo.gov.sg](http://www.pmo.gov.sg).
- Qalyubi, Ahmad bin Ahmad & U'mairah, Ahmad Al Barlasi. 1998. *Hasyiyatan Qalyubi wa Umairah A'la Minhajil Thalibin*. Beirut: Darul Fikr.
- Rihal, A'lauddin Hussin & As Sa'ad, Ahmad Muhammad. *Al Waqfu wa Hifzul Maqasidus Syariah*. 23 Sep 2014. [www.Aliftaa.jo](http://www.Aliftaa.jo).
- Sood, Teo Keang. 2013. *Land Law*. Singapore: National University of Singapore.
- Abdul Samad Haji Junid. 1999. *perkembangan pendidikan Islam di Singapura: satu kajian kes "Madrasah Al Junied Al Islamiyah"*. Singapore: AFIA Media international.